



Penulis
Tamu



Peranan MARA Dalam Memperkasa Usahawan

Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun sentiasa menyokong kepada keperluan pembangunan usahawan. Pelbagai usaha dan dasar yang telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan bilangan usahawan. Merujuk kepada latar belakang ekonomi penduduk di Malaysia pada hakikatnya, meskipun kaum bumiputera khususnya kaum Melayu merupakan kelompok etnik majoriti namun penguasaan kaum tersebut dalam bidang ekonomi masih lagi rendah jika dibandingkan dengan kelompok etnik yang lain. Akibat ketidakseimbangan yang berlaku di antara komposisi etnik kaum dalam sektor perekonomian, maka kerajaan telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) melalui Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) untuk menyusun semula jurang yang berlaku dalam masyarakat. Pada prinsipnya pelaksanaan dasar tersebut adalah satu program jangka panjang berkuatkuasa sehingga dua puluh tahun daripada tahun 1970-1990. Antara dasar yang diperkenalkan untuk menyusun semula masyarakat iaitu pewujudan sebuah komuniti perniagaan dan perindustrian yang bukan sahaja difokuskan kepada etnik Melayu tetapi juga merangkumi etnik Bumiputera yang lain. Objektif yang disasarkan iaitu pencapaian penguasaan etnik Melayu dan Bumiputera yang lain dalam sektor perekonomian dapat ditingkatkan sekurang-kurangnya tiga puluh peratus.

Bagi memenuhi matlamat tersebut, pihak kerajaan telah melaksanakan strategi-strategi tertentu untuk memperkasakan dan menambah baik penguasaan ekonomi orang Melayu dan kaum Bumiputera yang lain. Antara dasar yang diperkenalkan seperti menubuhkan dan menambah baik agensi-agensi kerajaan seperti mewujudkan MARA, UDA, PERNAS dan sebagainya. Pihak kerajaan juga memperkenalkan skim usahawan dengan memberi latihan kepada golongan yang berpotensi sebagai usahawan untuk mendapat latihan dan kemahiran dalam dan luar negara. Di samping itu, melalui bidang pendidikan silibus mata pelajaran perdagangan disusun semula dengan memberi penekanan kepada nilai-nilai keusahawanan yang diimplementasikan dalam sistem pelajaran pada Januari 1985. Sepanjang tempoh pelaksanaan dasar tersebut, meskipun pemilikan modal saham Bumiputera telah berjaya ditingkatkan namun keputusannya gagal mencapai matlamat yang telah disasarkan. Menyedari hakikat tersebut, kerajaan telah memperkenalkan satu dasar baru bagi menggantikan DEB

dengan menggubal Dasar Pembangunan Nasional (DPB) melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) merangkumi tempoh 1991-2000. Pihak kerajaan masih lagi mengekalkan perkara-perkara asas yang ada dalam program DEB.

Majlis Amanah Rakyat Malaysia ataupun dikenali sebagai MARA adalah merupakan satu agensi yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pembangunan dan Koperasi yang bertindak untuk membantu pembangunan sosio budaya golongan Bumiputera dari aspek ekonomi dan juga pendidikan. Dari perspektif sejarah penubuhannya, ia ditubuhkan pada 1 Mac 1966 di bawah Undang-undang Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang menggantikan Undang-undang Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan (RIDA). Meskipun peruntukan undang-undang tersebut telah diganti dengan undang-undang yang baru namun, unsur-unsur penting dalam Undang-Undang Lembaga Kemajuan Kampung telah dimasukkan dalam undang-undang MARA yang baru ini. Lanjutan daripada itu, undang-undang MARA tersebut telah diluluskan oleh Parlimen pada bulan Jun 1965 hasil daripada resolusi-resolusi yang diutarakan dalam Kongres Ekonomi Bumiputera. Dengan adanya peruntukan undang-undang tersebut MARA secara rasminya pada Mac 1966 telah menggantikan RIDA yang ditubuhkan pada tahun 1956.

Sehubungan dengan itu, di antara tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada pihak MARA seperti yang tercatat dalam seksyen 6 undang-undang seperti berikut:

1. Memaju, menggalak dan menjalankan pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan dalam persekutuan khususnya kawasan-kawasan luar bandar.
2. Menjalankan segala usaha khususnya pembangunan usaha-usaha perdagangan dan perusahaan serta pemasaran barang-barang keluaran.
3. Menjalankan penyelidikan dan latihan.
4. Memajukan usaha-usaha di atas dengan bantuan modal, memberi pinjaman dan lain-lain.

“Setiap strategi dan hala tuju yang ditekankan oleh MARA adalah bertujuan supaya ia sentiasa relevan dengan perkembangan semasa dalam usaha memacu bidang keusahawanan Bumiputera secara lebih efektif”

Berasaskan kepada peruntukan kuasa-kuasa yang telah dianugerahkan kepada MARA, agensi tersebut telah diberi tanggungjawab penting untuk mengendalikan pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan khususnya kepada kelompok Bumiputera. Bagi melicinkan perjalanan operasi tersebut, MARA telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan mempunyai sebuah majlis yang terdiri daripada 14 orang ahli dan seorang pengerusi. Pengerusi majlis ini adalah juga Pengerusi MARA. Di samping itu sebuah Jawatankuasa Kerja telah dibentuk untuk menjaga hal-hal dasar. Tegasnya, penubuhan agensi MARA pada tahun 1966 merupakan satu agenda penting untuk kelangsungan survival Bumiputera khususnya dalam meningkatkan kemajuan ekonomi khususnya di kawasan luar bandar yang memberi fokus terhadap aspek pendidikan, latihan dan pembangunan usahawan Bumiputera.



Dalam konteks pembangunan usahawan, kerajaan telah merangka program-program tertentu untuk merangsang aktiviti keusahawanan dalam kalangan Bumiputera melalui agensi yang ditubuhkan. Salah satu daripada agensi yang bertanggungjawab membimbing dan melahirkan usahawan ialah MARA. Pelbagai program dan insentif yang diberikan oleh agensi tersebut untuk memupuk budaya keusahawanan, melatih dan melahirkan golongan usahawan yang berkualiti dan beretika dalam kalangan Bumiputera. Sebagai membuktikan komitmennya terhadap golongan sasaran tersebut, pihak MARA telah menyediakan dana bantuan pinjaman kewangan sebanyak enam ratus juta sejak dari tahun 1966 hingga 1990 kepada 108,000 pengusaha industri kecil dan sederhana. Malah bantuan dari aspek teknikal, khidmat nasihat, kemudahan infrastruktur, kemahiran, ilmu-ilmu yang berkaitan dan sebagainya turut diberikan kepada pengusaha Bumiputera. Semua usaha dan aktiviti yang dilaksanakan tersebut adalah bertujuan untuk meningkatkan bilangan usahawan Bumiputera yang berjaya. Justeru itu, boleh dikata bahawa agensi MARA adalah merupakan institusi yang menghubungkan keperluan dua pihak yang utama iaitu kerajaan dan golongan usahawan. Objektif yang perlu dipenuhi oleh agensi MARA ialah untuk merealisasikan dasar-dasar yang digubal oleh kerajaan khususnya untuk meningkatkan penguasaan ekonomi Bumiputera. Tidak dinafikan lagi bahawa MARA adalah merupakan sebahagian agensi yang menjadi katalis kepada pembangunan keusahawanan di peringkat domestik dan antarabangsa amnya

MARA merupakan agensi yang bersikap proaktif mengambil langkah memperkasakan program pembangunan usahawan khususnya terhadap golongan Bumiputera membantu melestarikan bidang keusahawanan secara kompetitif. Menurut Timbalan Ketua Pengarah Usahawan MARA Othman Ahmad, MARA telah memfokuskan aktiviti perniagaan dan teknologi perkilangan sebagai bidang keutamaan sepertimana yang telah diperuntukkan oleh Akta MARA. Berasaskan kepada tafsiran peruntukan Seksyen 6 (2) memperuntukkan bahawa agensi MARA hendaklah melaksanakan segala usaha terutamanya dalam kerja-kerja pembangunan perusahaan komersil dan perindustrian yang merangkumi bidang pembuatan, pemasangan, pemrosesan, pembungkusan, peningkatan dan pemasaran produk. Di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9), MARA telah mengambil pendekatan “Project Creation-Private Driven” IKS Bumiputera dengan memberi penekanan kepada penyelaras dan pemudahcara. Berasaskan kepada pendekatan tersebut, ia memberi petunjuk bahawa usahawan perlu mengambil sikap lebih bertanggungjawab untuk mengurus dan memajukan bidang yang diusahakannya. Di samping itu, dalam perancangan program Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10), program pembangunan usahawan perkhidmatan berteraskan perkhidmatan vertifikasi dan senggaraan mesin “production line technology” diberi penekanan. Ia bertujuan untuk menjalinkan hubungan yang harmoni di antara agensi berkenaan dengan pihak industri. Justeru itu, setiap strategi dan hala tuju yang ditekankan oleh MARA adalah bertujuan supaya ia sentiasa relevan dengan perkembangan semasa dalam usaha memacu bidang keusahawanan Bumiputera secara lebih efektif.

